

Khamis 3 Julai 2008

Punca harga beras tidak menentu di pasaran
Minta mansuhkan pelesen padi

ALOR STAR: Gabungan Persatuan Pengilang Beras Cina/Melayu/Kedah dan Perlis mengesakan kerajaan memansuhkan pelesen padi yang membeli padi daripada petani.

Pengerusinya, Datuk Chew Giok Kun berkata, perkhidmatan orang tengah sudah tidak diperlukan lagi kerana pengilang beras mampu membeli padi secara terus. Menurutnya, penglibatan pelesen padi dalam urusan perniagaan padi dipercayai mengakibatkan harga dan bekalan beras sentiasa tidak menentu di pasaran. "Tanpa orang tengah, petani boleh menjual terus padi kepada kilang berdekatan," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Giok Kun berkata, selaras dengan cadangan memohon kerajaan memansuhkan lesen pelesen padi, para pengilang bersetuju membeli padi dengan harga yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM800 setiap tan berbanding RM750 yang diwartakan oleh kerajaan. "Dengan cara ini diharap tidak akan berlaku lagi kekurangan beras di pasaran," katanya.

Dalam pada itu, gabungan ini juga mengesakan kerajaan agar mengkaji semula jurang perbezaan harga diantara beras Super Tempatan 15 peratus (ST) dan Super Special Tempatan (SST) 10 peratus kerana perbezaan harga yang begitu ketara. Katanya, beras ST 15 peratus dijual pada harga RM16.50 setiap sekampit 10 kilogram (kg) manakala SST 10 peratus RM27 setiap sekampit 10 kg. "Ini merupakan faktor utama kekurangan beras ST 15 peratus di pasaran," katanya.

[ke belakang]